

KEMUDAHAN KAMPUS SEIRING ZAMAN



Hashim Aman berucap kepada pelajar baru Sesi Mei 2001/2002 di Dewan Besar, PKKSSAAS baru-baru ini.



BERJANJI...sebilangan pelajar-pelajar baru membaca ikrar di hadapan Pro Canselor dan Pegawai-pegawai Utama Universiti

Oleh: **MOHD RUSDY HASAN**

Foto: Ahmad Fua'ad Alwi

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) sedang berusaha untuk mempertingkatkan kemudahan-kemudahan di dalam kampus Serdang secara berperingkat-peringkat untuk mememnuhi kehendak semasa seiring dengan kemajuan negara dan era teknologi maklumat yang mendominasi dunia hari ini.

Hal ini telah dijelaskan oleh Pro Canselor UPM, Tan Sri Hashim Aman ketika berucap pada Majlis

Bacaan Ikrar pelajar baru sesi 2001/2002 di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah baru-baru ini.

Dalam ucapannya itu beliau menyeru pelajar yang berpeluang ke menara gading menggunakan kesempatan ini untuk memberi sumbangan yang penuh makna dalam merealisasikan impian pimpinan negara pada masa akan datang.

“Saya menyeru agar setiap mahasiswa UPM membentuk satu iltizam mereka yang selari dan sekukuh iltizam universiti iaitu mencapai kecemerlangan akademik dan kemanusiaan agar satu

bentuk perkongsian yang bijak dalam ilmu dan kecemerlangan dapat dilaksanakan pada setiap peringkat pendidikan,” katanya lagi.

Beliau juga berkata: Era milenium memperlihatkan satu tanda awal bahawa setiap graduan yang dihasilkan perlu melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran.

“Ia penting untuk menjadikan pelajar mampu bersaing pada semua peringkat di pasaran kerjaya nanti,” kata Hashim.

Pada majlis itu seramai 4,471 pelajar baru UPM melafazkan ikrar sebagai menandakan secara rasmi bergelar mahasiswa UPM. Sebelum itu mereka mengadakan sesi dialog dan penerangan bersama Majlis Perwakilan Pelajar UPM (MPPUPM).

Semasa berucap juga beliau melahirkan keyakinan jika konsep perkongsian bijak dalam ilmu dan kecemerlangan dapat diaplikasikan maka UPM akan melangkah ke hadapan dalam alaf baru ini.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pro Canselor Tan Sri Dato' Thong Yaw Hong, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Datuk Ramly Ahmad serta ahli-ahli Lembaga Pengarah, Timbalan Naib Canselor (HEP), Prof Madya Dr Idris Abdol dan Pegawai-pegawai Utama universiti.